

ProRead (POWER OF READING)

Nor Zaidi bin Jamiluddin
Guru Besar
SK Kampung Melayu, Kluang, Johor

ABSTRAK

Budaya membaca memainkan peranan yang penting dalam memajukan sesebuah masyarakat yang berilmu dan dalam pembangunan sesebuah negara. Wahyu yang mula-mula sekali diterima oleh Nabi Muhammad SAW ialah membaca. Kalimah Iqra melambangkan ilmu yang merangkumi makna membaca, mengkaji, menyelidik dan memahami. Amalan minat membaca perlu dipupuk di dalam setiap diri murid-murid Sekolah Kebangsaan Kampong Melayu Kluang Johor. Ini kerana amalan membaca kurang diamalkan. Berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025, pihak sekolah dan ibu bapa bersama-sama mengembangtenaga untuk menjayakan ProRead (*Power Of Reading*). Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan luas, berdisiplin tinggi dan sahsiah terpuji, berdikari, berdaya saing serta cemerlang dalam akademik. Melalui ProRead, kami telah merancang pelbagai aktiviti yang melibatkan pihak sekolah, murid-murid dan pelibatan ibu bapa. ProRead telah mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai pihak. ProRead memberikan impak yang besar kepada Pembangunan Sahsiah Diri Murid, Pembangunan Kurikulum, Pembangunan Kokurikulum dan Pembangunan Infrastruktur. Transformasi ke arah membudayakan amalan membaca memberikan satu perubahan yang besar terhadap ekosistem pembelajaran murid-murid SK Kampong Melayu. Menerusi Anjakan ke 10 iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap murid dapat direalisasikan melalui ProRead. SK Kampong Melayu diberi kepercayaan untuk melaksanakan Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang bergerak seiring bersama Transformasi Nasional 2025 (TN25)

Kata kunci: Membaca, modal insan, pelibatan menyeluruh, ekosistem pembelajaran

PENGENALAN

Dalam era menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50), negara amat memerlukan modal insan yang berpengetahuan tinggi. Amalan membaca merupakan nadi utama pembangunan generasi yang berilmu dan berwawasan. Isu membaca tidak pernah lapuk untuk dibincangkan. Biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelumang dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan (Mohamad Sofee 2007).

Bagi mewujudkan ekosistem pembelajaran yang membudayakan amalan membaca dikalangan murid SK Kampong Melayu, maka ProRead (*Power of Reading*) telah dilaksanakan. Terdapat empat fokus utama Amalan Baik Pembudayaan Membaca iaitu melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab. Program ini menyahut anjakan ke 10, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah menetapkan bahawa memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah:

- i. Meningkatkan daya pemikiran kreatif, kritis dan inovatif murid melalui amalan membaca.
- ii. Melahirkan modal insan yang holistik dan berdaya saing dalam abad ke-21.
- iii. Memacu komitmen dan sokongan padu daripada pemimpin berkesan, guru berkualiti dan sokongan pelibatan ibu bapa & komuniti.

LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kluang Johor merupakan sekolah yang terletak di Jalan Penghulu Kassim, Kluang. Sekolah ini adalah kategori (Gred A) dalam bandar. Sehingga April 2018 jumlah murid adalah seramai 990 orang, 67 orang guru dan 8 orang kakitangan sokongan. Murid-murid majoritinya tinggal di sekitar Kampung Melayu, Kluang Johor.

INOVASI / AMALAN TERBAIK

Bergerak memacu dengan arus Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), SKKM telah merangka dan melaksanakan ProRead yang memfokuskan pembentukkan modal insan yang berilmu pengetahuan tinggi dan bersahsiah terpuji melalui amalan membaca. Proread memupuk sifat dan tanggungjawab murid untuk mengamalkan budaya membaca di sekolah mahupun di luar waktu sekolah. Program ini juga disokong oleh kepimpinan berkesan, guru berkualiti dan sokongan pelibatan ibu bapa & komuniti bagi mewujudkan ekosistem amalan membaca. Hubungan sekolah dan komuniti begitu penting. Tanpa komuniti, sekolah tidak wujud manakala tanpa sekolah komuniti tidak akan berkembang (A.Rizal et.al. ,2008). Jika semua pihak memainkan peranan serta ada rasa ingin menyumbang, maka akan wujudlah sebuah masyarakat yang mempunyai *world-view* yang lebih luas iaitu pemikiran yang lebih terbuka dan menjana produktiviti secara kreatif serta kritis. Hal ini merupakan satu daripada masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah kerana budaya membaca kurang diamalkan. Setelah dikenalpasti, didapati punca berlakunya masalah ini adalah disebabkan oleh faktor persekitaran.

Sejajar bersama Transformasi Sekolah 2025 (TS25), pihak sekolah telah melancarkan bersama ibu bapa untuk memacu dan menerajui menjayakan Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Ibu bapa dan komuniti memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan amalan membaca di kalangan anak-anak mereka. Ini kerana sebuah institusi kekeluargaan yang mempunyai ekosistem ilmu pengetahuan yang luas dapat melahirkan modal insan yang berkualiti, berilmu pengetahuan dan seimbang. Ibu bapa secara tidak langsung dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah. Sokongan daripada ibu bapa dan komuniti setempat dapat mewujudkan suasana yang positif iaitu semua pihak yang berkepentingan menyedari tanggungjawab dan peranan mereka dalam memastikan murid SK Kampong Melayu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, kecemerlangan akademik, berkemahiran, berdisiplin serta sahsiah yang terpuji.

ProRead ini disokong oleh *Sustainable Developmet Goal, United Nation by 2030, Goal 4: Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all* yang memfokuskan kepada peluang pembelajaran sepanjang hayat. Terdapat elemen menyatakan semua belia perlu menguasai literasi dan numerasi serta pembelajaran sepanjang hayat. Selari dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mensasarkan LINUS 100% lulus. Pihak sekolah menyokong dan melaksanakan LINUS ini dengan memastikan murid Tahap 1 menguasai literasi dan numerasi. Oleh yang demikian, sekolah rendah merupakan permulaan yang terbaik untuk murid menguasai ilmu pengetahuan umpama melentur buluh biarlah dari rebungnya. Mereka akan dapat melebarkan sayap ke peringkat global.

KERANGKA PELAN INTERVENSI LIMA LANGKAH (PILL)

ProRead melibatkan semua murid, ibu bapa, guru, komuniti dan pihak pentadbiran SK Kampong Melayu. Program ini dipilih kerana membaca merupakan aspek utama kepada penerokaan ilmu pengetahuan (Annamalai & Muniandy, 2013), asas pendidikan dan nadi pembelajaran kendiri (Busayo, 2011; Dai, 2013) dan alat untuk pembelajaran sepanjang hayat (Azlin Norhaini Mansor Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf & Koh, 2012). Malah ayat Al-Quran yang pertama menerusi surah Al-‘Alaq menyeru manusia agar membaca, ini membuktikan bahawa pentingnya membaca.

Walaupun program ini kelihatan seperti mudah dan biasa tetapi melalui ProRead ini dapat memberikan impak yang sangat besar dan positif kepada SK Kampong Melayu. Kos untuk menampung aktiviti yang djalankan ini disokong dan ditanggung oleh komuniti dan ibu bapa.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Anjakan 10: memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit. ProRead merupakan satu program yang jelas dan memenuhi keperluan semasa sekolah. Akar umbi untuk memaksimumkan keberhasilan murid adalah melalui ProRead.

TEORI SOKONGAN


Sepuluh Fungsi Kepimpinan Berasaskan Bacaan Murphy (2004)

Selaras meningkatkan minat amalan membaca murid, kajian Murphy (2004) telah menjadi satu penanda aras kepada amalan terbaik ProRead. Murphy berpendapat perlunya fungsi kepimpinan dalam aspek pembacaan kerana sekolah memainkan peranan dalam membentuk iklim membaca sehingga mampu memberi kesan kepada pencapaian murid.



Gambarajah 1. 10 Fungsi Kepimpinan Berasaskan Pembacaan Murphy (2004)

KERANGKA ProRead



Gambarajah 2. Kerangka ProRead

Kerangka ProRead menunjukkan impak yang akan dapat dicapai. Langkah pertama ialah dengan mengenal pasti masalah dan menganalisa data yang telah diperolehi. ProRead disokong dengan Intervensi 5 Langkah PILL dan Pembacaan Murphy.

Seterusnya perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti diatur bagi mencapai impak yang positif dan maksima.

CARTA PERBATUAN

Aktiviti ProRead ini bermula pada awal Oktober 2017 dan sehingga sekarang pelaksanaannya masih diteruskan. ProRead bermula dengan pembentukan kumpulan *care taker*, mengenal pasti isu dan masalah, mengumpulkan data dan penyediaan aktiviti. Penilaian aktiviti dijalankan bagi tujuan memastikan aktiviti yang dijalankan mencapai objektif yang ditetapkan dan berkesan. *Post mortem* juga dijalankan untuk meningkatkan lagi aktiviti yang telah dijalankan.



Gambarajah 3. Carta perbatuan pelaksanaan ProRead

PELAKSANAAN PROJEK (IDEA DAN KREATIVITI)

Aktiviti 1: Promosi ProRead



Gambar 1. Wall Mempromosikan ProRead



Gambar 2. Wall Mempromosikan Nilam


Mempromosikan ProRead adalah menjadi keutamaan pihak sekolah. Ini bertujuan semua warga sekolah dan juga ibu bapa mengetahui betapa pentingnya ProRead. Selain itu, murid boleh merujuk tahap pembacaan Nilam mereka.

Aktiviti 2: Bacathon



Gambar 3. Aktiviti Bacathon

Peratusan Sumbangan Buku daripada Pihak Ibu Bapa, Swasta dan Persendirian



Gambarajah 4. Peratusan sumbangan buku

Program Bacathon ini memupuk semangat murid-murid untuk mencintai dunia buku. Murid-murid akan menyumbangkan sebuah buku kepada sekolah dan meletakkan buku-buku yang disumbangkan ke dalam rak yang telah disediakan. Program ini berjalan sepanjang tahun. Murid-murid boleh membaca pada bila-bila masa sahaja.

Aktiviti 2: Saya dan Buku



Gambar 4. Aktiviti Saya Bersama Buku

Pada waktu rehat, murid boleh membaca buku di dewan sambil memerhatikan rakan mereka menunjukkan bakat. Mereka boleh membaca secara santai mahupun mempersemprehan bakat yang mereka ada. Tujuan program ini adalah untuk mencungkil bakat murid dan membina sahsiah mereka serta keyakinan diri.

Aktiviti 3: 10 Minit Bersama Membaca



Gambar 5. Aktiviti 10 Minit Bersama Membaca

Aktiviti ini melibatkan seluruh warga sekolah. Aktiviti ini dijalankan sebulan sekali dimana waktu 10 minit ini, murid-murid diberi peluang membaca bersama sesiapa sahaja yang mereka mahu tidak kira bersama guru, staf sokongan maupun pekerja swasta. Program ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem amalan membaca.

Aktiviti 4: Mempromosi Aktiviti Pusat Sumber Sekolah



Gambar 6. Rakan Strategik Perpustakaan Desa Kg Melayu



Gambar 7. Aktiviti Info Hunt

Pusat Sumber Sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan amalan membaca. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijalankan seperti mengadakan pertandingan Kelas Nilam Kreatif, Pembaca Nilam Terbanyak, Pengunjung Misteri PSS dan Info Hunt. Selain itu, pihak pusat sumber juga telah menjalinkan kolaboratif bersama Perpustakaan Desa Kampong Melayu. Perpustakaan Desa ini telah mengadakan aktiviti bersama murid prasekolah dan murid Tahun 4, 5 dan 6. Bukan setakat itu sahaja, pusat sumber sekolah sedang merancang menjalinkan rakan strategik bersama Pengarah Urusan Ana Muslim.


Aktiviti 5: Santai Corner



Gambar 8. Santai Corner

Santai Corner merupakan sudut-sudut yang telah dibina untuk keselesaan murid membaca secara santai dan mendapatkan informasi. Iklim yang kondusif dan persekitaran yang dipenuhi dengan bahan bacaan dapat memupuk murid-murid mencintai alam bacaan yang berilmiah.

Aktiviti 6: Super Reader



Gambar 9. Super Reader

Aktiviti ini menggalakkan murid-murid membaca bahan Bahasa Inggeris. Program ini dijalankan pada waktu rehat dan sepanjang tahun. Murid-murid boleh menceritakan semula bahan bacaan

yang telah dibaca dihadapan murid-murid yang lain. Selain itu, murid yang mendengar boleh memberikan idea atau apa jua respon terhadap bahan bacaan yang telah dibaca oleh rakan mereka. Ini dapat meningkatkan penguasaan komunikasi murid dalam Bahasa Inggeris dan penggunaan kosa kata Bahasa Inggeris yang banyak. Aktiviti ini dijalankan bagi menyokong Highly Immersive Program (HIP) yang dilancarkan oleh pihak KPM.

Aktiviti 7: The Power Of Subuh



Gambar 10. The Power of Subuh

Semua warga SK Kampong Melayu, ibu dan bapa, penduduk setempat Kampong Melayu terlibat dengan aktiviti ini. Waktu subuh merupakan waktu yang paling baik dan afdal untuk berdoa serta permulaan bagi segala kerja harian. Aktiviti ini telah disambut dengan baik oleh semua pihak.

Aktiviti 8: Highly Immersive Programme (Hip)



Gambar 11. Aktiviti HIP



Gambar 12. PdPc HIP



Gambar 13. Sukarelawan dalam kelas



Gambar 14. PdPc di luar bilik darjah

Program High Immersive Programme (HIP) bertujuan meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris melalui peningkatan penggunaan dan penguasaan bahasa itu dalam komuniti sekolah dengan menanamkan sikap positif kepada murid terhadap pembelajaran dan penggunaan Bahasa Inggeris. Pihak sekolah telah menyahut program yang diatur oleh KPM untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris murid SK Kampong Melayu dalam Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Aktiviti 9: Kolaboratif Bersama Ibu Paba Bagi Kelas Pak 21



Gambar 15. Kolaboratif Bersama Ibu Bapa Bagi Kelas PAK 21

Aktiviti ini dijalakan secara berperingkat mengikut aliran. Ibu bapa akan memberikan sumbangan idea dan tenaga untuk menceriakan kelas anak-anak mereka dan menyumbang keperluan di dalam kelas. Mereka juga boleh bersama guru membimbing anak-anak dalam sesi pembelajaran. Secara tidak langsung, memberikan impak yang positif terhadap ekosistem sekolah.

IMPAK




Gambarajah 5. Impak ProRead


Impak Kemenjadian Murid

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan pembangunan murid secara menyeluruh dan seimbang telah diterjemahkan kepada enam elemen iaitu penekanan kepada elemen Pengetahuan dan Kemahiran, membangunkan Pemikiran Kritis, Kreatif dan Inovatif, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dalam Dwibahasa, Sahsiah dan Nilai serta semangat Identiti Nasional yang kuat. Untuk memastikan setiap murid mencapai dan menyerlahkan potensi yang ada pada diri mereka sepenuhnya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka, pihak pentadbir, guru, ibu dan bapa serta masyarakat memainkan peranan dalam memastikan generasi milenium ini mencapai aspirasi yang diimpikan.

Kemenjadian murid di SK Kampong Melayu ini semakin menyerlah apabila ProRead ini dijalankan. Bukan sahaja, peratusan Linus menurun malah semua aspek dapat dikecapi. Murid-murid berjaya memenangi pertandingan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak sama ada pertandingan kokurikulum mahupun kurikulum. Seorang murid SK Kg Melayu telah menjadi Ikon bagi Perpustaan Desa SK Kampong Melayu. Ini membuktikan bahawa melalui pelaksanaan ProRead murid mula mengamalkan amalan membaca yang berkualiti, keyakinan diri semakin meningkat, menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran mematuhi peraturan sekolah dan berdaya saing dengan semangat untuk berjaya dengan cemerlang.



Gambar 16. Olahraga



Gambar 17. Moay Thai



Gambar 18. Anugerah Pemain Bernilai




Gambar 19. Johan Ragbi




Gambar 20. Pemenang NILAM

Impak Pembangunan Sahniah Diri Murid

Disiplin murid juga telah menunjukkan perubahan yang positif. Merujuk kepada data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), kehadiran murid menunjukkan *trend* peningkatan yang semakin baik. Kehadiran pada tahun 2017 sudahpun melepas KPI yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 95%. Masalah kehadiran lewat ke sekolah juga telah dapat diatasi disebabkan oleh ProRead.



Gambarajah 6. Peratusan Pencapaian Sahsiah Murid



Gambarajah 7. Peratusan Kehadiran Murid ke Sekolah

Impak Akademik

Peningkatan peratus keputusan peperiksaan pada tahun 2017 telah menunjukkan prestasi yang baik. Berdasarkan peperiksaan UPSR 2017 dapat dibuktikan bahawa peratus beberapa mata pelajaran telah meningkat. Semua program yang dijalankan telah disambut baik dan disokong sepenuhnya oleh ibu bapa SK Kampong Melayu.



Gambarajah 8. Peratusan Pembacaan Nilam



Gambarajah 9. Analisa Perbandingan Pencapaian Murid Tahap 2 bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2017 dan Pentaksiran Bulan Mac 2018




Gambarajah 10. Peratus Perbandingan Saringan Linus



Gambarajah 11. Pencapaian Khatam Al-Quran

Impak Pelibatan Ibu Bapa

Peratusan pelibatan ibu bapa terhadap program yang dijalankan oleh pihak sekolah telah menunjukkan kenaikan berdasarkan data e-Sarana. Ibu bapa menyambut baik program yang diaturkan oleh pihak sekolah dengan kerjasama yang erat daripada pihak PIBG. Ini telah memberikan impak yang positif terhadap pembangunan disiplin, pembangunan sahsiah dan pencapaian akademik murid serta pembangunan infrastruktur sekolah. Pihak Masjid Jamek Kampong Melayu juga berbesar hati menyumbang RM300 sebulan bagi menampung kos aktiviti yang dijalankan di sekolah.



Gambarajah 12. Peratusan Pelibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Sekolah



Gambar 21. Pelibatan Ibu Bapa



Gambar 22. Kunjungan Mesra Pengurus Masjid Jamek Jamek Kg Melayu



Gambar 23. Kunjungan Mesra Ketua Balai Bomba Daerah Kluang

Impak Infrastruktur

Kerjasama dan sokongan padu daripada ibu bapa serta komuniti setempat telah memberikan kesan yang baik terhadap pembangunan infrastruktur sekolah. Ibu dan bapa telah sama-sama mengindahkan dan menceriakan kawasan sekolah bagi mewujudkan ekosistem pembelajaran yang kondusif.



Gambar 24. Proses menaiktaraf keceriaan kawasan sekolah



Gambar 25. Sumbangan daripada ibu bapa



Gambar 26. Hasil kerjasama bersama ibu dan bapa

PENGIKTIRAFAN



Gambar 27. Pengiktirafan oleh Tn. Hj. Shaharudin Bin Sharif (Pengarah Johor)



Gambar 28. Pengiktirafan oleh Tn. Hj. Shaharudin Basri Bin Ibrahim (Pegawai Pendidikan Daerah Kluang)

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Setiap program yang dijalankan mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri serta mempunyai cabarannya. Bagi meningkatkan keberkesanan program yang telah dijalankan, pihak sekolah telah mengesan Ikon HIP Permata dan Ikon Nilam, Sekolah Kampong Melayu.

Selain itu, pihak sekolah mensasarkan Johan Nilam peringkat Kebangsaan. Bakat-bakat murid akan dicungkil daripada Tahun 1 lagi bagi meningkatkan daya saing yang tinggi dan dapat memperagakan bakat mereka di pentas dunia. Murid yang dapat menonjolkan diri mereka merupakan ayam tambatan yang bernilai tinggi untuk sekolah.

PENUTUP / KESIMPULAN

Secara keseluruhan, PoRead telah memberikan impak yang amat positif terhadap ekosistem amalan membaca di SK Kampong Melayu. Program ini berjaya memupuk semangat murid untuk

membaca dalam apa jua bentuk bahan bacaan, sifat kebertanggungjawaban untuk mendalami ilmu pengetahuan dan sikap menyayangi buku. Tanpa disedari, ibu bapa telah berjaya memainkan peranan mereka dengan memberikan sokongan penuh terhadap program yang dijalankan oleh pihak sekolah. Sokongan mereka telah dapat membentuk jati diri murid yang teguh, pembentukan sahsiah, disiplin, kemenjadian murid dan kecemerlangan dalam bidang akademik mahupun koakademik. Ibu bapa mula menyedari sokongan mereka telah membentuk sikap yang positif dalam diri anak-anak mereka,

Melalui amalan membaca murid itu sendiri mula sedar betapa penting dalam usaha memajukan diri, mengembangkan minda, serta meluaskan pandangan agar dapat meningkatkan prestasi dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Menerusi pembacaan, seseorang murid dapat mempelbagaikan paradigma tentang bidang yang akan diceburi kelak. Seseorang murid yang cemerlang bidang sahsiah, akademik, kokurikulum serta berkemahiran dapat memperlihatkan bahawa mereka mempunyai minat yang mendalam dalam kegiatan membaca dan dengan itu dapat meninggikan mutu ilmu yang dipelajarinya. SK Kampong Melayu, kami suka membaca, kami sayang Malaysia.

RUJUKAN

- A. Rizal, Samsudin, Mohamad Zaid dan Ashaari (2008). “*Sekolah Dan Masyarakat*”.
Abdul Wahab bin Mat (1995). *Hubungan Minat Membaca Di Kalangan Pelajar-Pelajar SMKA di Seberang Perai Dengan Latar Belakang dan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Persekutaran*, Universiti Utara Malaysia.
Haslinda Husaini, R. A. A., & Shahrom T.M Sulaiman. (2011). *Reading habits and attitudes among students in secondary school* (Research Reports. Research Management Institute , Universiti Teknologi MARA.). Shah Alam. Retrieved from
<http://eprints.uitm.edu.my/6445/>
Mohamad Sofee Razak. 2007. *Intelek kurang membaca*. Utusan Malaysia, 26 November.
Murphy, J. (2004). *Leadership for literacy: a framework for policy*. *School Effectiveness and School Improvement*, 15(1), 65–96.
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
Penerbit UTHM.
Transformasi Nasional 2050
Zofia Zasacka (2017). *Screen Based Reading Practices –Result of the Study on Children's and Adolescents' reading habits and attitudes*, Educational Research Institute , 99-114.
Zuridah Hanim Md. Akhir, Mohd Hasani Dali dan Khaliza Saidin (2017), *Amalan Terbaik Pengetua Cemerlang Dalam Meningkatkan Minat Membaca Pelajar*, Jurnal Kepimpinan Pendidikan : Bil.4, Isu 1.